

# PHARMANIAGA GEMFIBROZIL CAPSULE

Gemfibrozil 300mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule
2. Bagaimana Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule

Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule digunakan bagi merawat masalah hiperlipidemia (kandungan lemak tinggi dalam darah) dan bagi mengelakkan penyakit jantung dalam pesakit yang mengalami hiperlipidemia.

Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule membantu mengurangkan kolesterol dan trigliserida (asid lemak) dalam darah. Paras kolesterol dan trigliserida yang tinggi dalam darah akan meningkatkan risiko untuk mendapat arterosklerosis (pengerasan salur darah/arteri).

Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule juga digunakan bagi mengurangkan risiko strok, serangan jantung, atau komplikasi jantung yang lain pada pesakit yang mempunyai paras kolesterol dan trigliserida yang tinggi yang tidak dapat dibantu melalui kaedah diet atau langkah-langkah pencegahan yang lain.

## Bagaimana Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule berfungsi

*Gemfibrozil* tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dikenali sebagai *fibrates*. Ia berfungsi dengan mengurangkan tahap kandungan sesetengah jenis lemak dan kolesterol terutamanya jenis yang dikenali sebagai trigliserida.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada *gemfibrozil*
- mengalami alahan kepada *fenofibrate* atau ubat-ubat lain dalam kelas *fibrat* (seperti *clofibrate*, *bezafibrate*)
- sedang menyusukan bayi
- sedang hamil
- mengalami masalah hati, buah pinggang atau pundi hempedu yang teruk

### -Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan tentang risiko dan faedah yang terlibat. Sebelum mengambil ubat ini, beritahulah doktor anda semua masalah kesihatan anda.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Sekiranya anda mengambil lebih dari satu ubat, ianya mungkin akan berinteraksi antara satu sama lain. Pada masa tersebut, doktor anda mungkin akan mempertimbangkan samada anda perlu meneruskan pengambilan ataupun tidak.

Keputusan untuk samada anda perlu meneruskan pengambilan ubat-ubatan tersebut bergantung kepada keadaan anda. Doktor anda akan meminta anda meneruskan pengambilan ubat-ubatan tersebut sekiranya faedah

pengambilannya melebihi risiko dari mengambilnya.

Dalam keadaan ini, sekiranya ubat-ubatan anda itu perlu diambil bersama-sama dengan Gemfibrozil walaupun ada kemungkinan berlakunya interaksi/tindakbalas, doktor anda akan mengubah dos ubat anda dan memantau keadaan anda dengan lebih terperinci.

Beritahulah doktor anda kesemua ubat yang sedang anda ambil supaya mereka boleh mempertimbangkan sebarang interaksi/tindakbalas yang mungkin berlaku. Ini termasuklah ubat-ubatan yang didapati dari klinik swasta, hospital, doktor gigi, jururawat, penasihat kesihatan, atau ahli farmasi. Anda juga perlu memberitahu doktor anda ubat-ubatan yang di beli di kaunter tanpa memerlukan preskripsi doktor.

Ubat-ubatan berikut boleh berinteraksi/bertindakbalas dengan *Gemfibrozil*:

- *Anticoagulants*, *Coumarin*, *Indandione derivative*  
Pengambilan bersama boleh meningkatkan kesan pencairan darah ubat ini, doktor anda mungkin perlu melakukan beberapa ujian darah untuk menyesuaikan dos untuk pencairan darah.
- *Chenodiol or ursodiol* (digunakan untuk merawat batu hempedu)  
Kesan mungkin berkurang apabila diambil serentak dengan gemfibrozil.
- *Lovastatin* (ejen penurunan kadar kolesterol)  
Pengambilan bersama mungkin boleh dikaitkan dengan peningkatan dalam kepekatan kreatina kinase (CK) dan mioglobinuri (kehadiran mioglobin dalam air kencing). Ini boleh menyebabkan kegagalan buah pinggang akut yang boleh dikesan seawal 3 minggu atau selewat-lewatnya beberapa bulan selepas terapi gabungan digunakan.

Sekiranya anda mengambil *Gemfibrozil* dan mana-mana ubat tersebut di atas, pastikan anda memberitahu doktor yang merawat anda.

#### ***Sediaan komplementari dan vitamin***

Ubat-ubatan juga boleh berinteraksi atau bertindakbalas dengan sediaan komplementari dan vitamin. Secara amnya, tiada banyak maklumat yang boleh diperolehi berkenaan dengan interaksi antara ubat-ubatan dan sediaan komplementari atau vitamin.

Sekiranya anda merancang untuk mengambil atau anda sememangnya sedang mengambil sediaan komplementari atau vitamin, anda haruslah bertanya kepada doktor anda sebarang interaksi/tindakbalas yang mungkin berlaku antara *gemfibrozil* dan sediaan komplementari atau vitamin yang sedang anda ambil.

Doktor anda akan menasihatkan anda samada perlu atau tidak anda meneruskan pengambilannya sekiranya diketahui ada berlakunya interaksi/tindakbalas sekiranya diambil bersama-sama. Doktor anda juga akan membincangkan kesan-kesan sediaan komplementari atau vitamin terhadap keadaan anda.

Sekiranya anda mengalami kesan yang luar biasa semasa mengambil ubat ini bersama-sama dengan sediaan komplementari atau vitamin, anda haruslah memberitahu doktor anda.

#### **Cara mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule**

Ikutilah segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza dari risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanyalah pada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

#### ***-Berapa banyak harus diambil***

##### ***Dos dewasa biasa:***

Telan 4 kapsul (1.2g) sehari dalam 2 dos yang terbahagikan tiga puluh minit sebelum makan.

##### ***-Bila perlu diambil***

Ubat ini diambil tiga puluh minit sebelum makan pagi dan malam

#### ***-Berapa lama perlu diambil***

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya. Amatlah penting untuk meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

Berhenti mengambil ubat ini secara tiba-tiba boleh menyebabkan keadaan anda kembali kepada asal. Oleh itu anda perlu berbincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami masalah semasa mengambil ubat ini.

Doktor anda mungkin menghentikan rawatan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsules sekiranya selepas 3 bulan, kesannya didapati tidak memuaskan atau sekiranya keputusan ujian fungsi hati menunjukkan keabnormalan yang ketara.

#### ***-Jika terlupa mengambil***

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil itu.

#### ***-Jika mengambil berlebihan***

##### ***(terlebih dos)***

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda sudah terlebih ambil ubat ini.

#### **Semasa menggunakan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule**

##### ***-Perkara yang perlu dilakukan***

Beritahulah ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

##### ***-Perkara yang tidak boleh dilakukan***

Jangan mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

#### ***-Perkara yang perlu diberi***

##### ***perhatian***

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule terhadap anda.

Jangan meminum arak semasa pengambilan ubat ini.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Beritahulah ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule.

Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan.

Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan segera sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut. Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Bertanyalah dengan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda ada sebarang pertanyaan.

Reaksi setiap orang terhadap ubat ini berbeza-beza. Sukar untuk meramalkan kesan sampingan yang bakal berlaku terhadap anda atau anda mungkin langsung tidak akan mengalami sebarang kesan sampingan.

Apa yang penting, anda haruslah memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah dengan ubat ini.

Kesan sampingan yang dilaporkan adalah:

- Sakit perut, angin atau pedih uluhati
- cirit-birit
- mual atau muntah-muntah
- ruam-ruam pada kulit
- keletihan

- pengurangan sel darah merah atau pengurangan sel darah putih (batuk atau serak; demam atau berasa seram sejuk, sakit pada bahagian pinggang dan sisi, kesakitan atau kesukaran untuk kencing.
- Batu karang pada pundi hempedu (sakit perut yang teruk berserta loya dan muntah)
- Keradangan tisu otot (sakit otot, keletihan atau kelesuan)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

### **Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule**

#### -Penyimpanan

Simpanlah ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya. Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.  
Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat. Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya. Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat Lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

Kapsul keras berwarna merah/putih bersaiz '0' dengan ikon Pharmaniaga dan tanda '300'.

#### -Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:  
Pharmaniaga Gemfibrozil Capsule

mengandungi Gemfibrozil 300mg

-Bahan tidak aktif:

*Microcrystalline Cellulose, Lactose Croscarmellose Sodium, Magnesium Stearate, Starch dan Colloidal Silicon Dioxide.*

-Nombor MAL:

MAL19972153AZ

#### **Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

31/07/2015

#### **Serial Number:**

BPFK(R4/1)160715/00208